

29/01/1998

CAA diberi kuasa tambahan

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Lembaga Penerbangan Awam (CAA) yang menggantikan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) akan mempunyai kuasa tambahan serta tidak tertakluk dengan birokrasi kerajaan.

Ketua Pengarah DCA, Datuk Zaini Omar, berkata CAA akan bebas daripada sebarang pengaruh kerajaan serta membolehkan pengawalan sektor penerbangan negara dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Apabila CAA mula berkuatkuasa, DCA akan dimansuhkan dan semua kakitangannya berpindah terus ke lembaga yang baru itu."

"Kabinet sudah memberi lampu hijau untuk melaksanakan rombakan besar-besaran itu dan kajian mengenainya sedang dijalankan oleh pegawai kami," katanya kepada Berita Harian di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Rombakan DCA kepada CAA itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia di Langkawi, bulan lalu.

Zaini berkata, penubuhan CAA juga akan membolehkan lembaga itu melakukan pengambilan staf dengan mudah tanpa perlu melalui pelbagai saluran sebagaimana yang dialami ketika ini.

Menurut beliau, CAA juga akan mengawasi pengendalian lapangan terbang di negara ini, yang ketika ini dilaksanakan oleh Malaysia Airports Berhad (MAB), serta pengendalian sistem trafik udara.

"Sistem trafik udara yang ketika ini dikawal DCA, akan diswastakan kepada MAB menjelang Jun ini," katanya, sambil menambah tempoh waktu yang sama akan turut menyaksikan penswastan Kolej Penerbangan Awam jabatan itu.

Mengikut kertas dasar berkenaan, CAA akan berfungsi mengawasi dan mewujudkan peraturan serta kawalan trafik udara serta produk dan perkhidmatan aeroangkasa.

Kertas dasar aeroangkasa itu turut merangkumi cadangan penubuhan Majlis Aeroangkasa Kebangsaan dan Agensi Pentadbiran Angkasa Malaysia (MASA).

MASA akan memastikan pengurusan penerokaan angkasa akan lebih berkesan, termasuk pembangunan program satelit kebangsaan yang turut membantu mengukuhkan kemampuan teknologi.

Kertas dasar berkenaan dirangka oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MiGHT) yang seterusnya menubuhkan Kumpulan Khas MiGHT Mengenai Aeroangkasa yang diterajui Pengerusi Bersama MiGHT, Tan Sri Tajudin Ramli yang juga pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS).

(END)